

Ketegasan kerajaan dipuji tanda sokong Palestin

BH - 20/11/2019 m/s: 2

Kuala Lumpur: Malaysia berhak menghalang kemasukan rakyat Israel ke negara ini sebagai tekanan terhadap kekejaman yang dilakukan terhadap Palestin.

Presiden Majlis Perunding Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM), Mohd Azmi Abdul Hamid, berkata kenyataan Perdana Menteri yang menegaskan rakyat Israel tidak boleh memasuki Malaysia kerana tiada hubungan diplomatik harus disokong penuh.

"MAPIM menyokong penuh kenyataan Tun Dr Mahathir Mohamad, sekali gus menunjukkan ketegasan kerajaan berhubung isu membabitkan Israel dan kita tidak akan ber-



Mohd Azmi
Abdul Hamid

ganjak daripada keputusan untuk tidak mengiktiraf negara terbabit.

"Apa yang lebih penting ialah tindakan Israel terhadap Palestin yang jelas melanggar undang-undang antarabangsa dan resolusi yang ditetapkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Mohd Azmi berkata, Israel tidak berhak menekan mana-mana negara yang menghalang kemasukan rakyatnya kerana itu adalah hak negara terbabit untuk berbuat demikian.

Sementara itu, Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Mohamad Raimi Ab Rahim, berkata ke-

nyataan Dr Mahathir mencerminkan sentimen dan pendirian rakyat Malaysia terhadap Israel.

Penjenayah dunia

"Israel dianggap sebagai penjenayah dunia disebabkan tindakan mereka terhadap Palestin. Jenayah mereka terhadap kemanusiaan tidak boleh diterima sama sekali.

"Pendirian Malaysia yang kekal untuk tidak mempunyai sebarang hubungan diplomatik dengan Israel amat penting sebagai tekanan terhadap mereka supaya menghentikan sebarang bentuk penindasan terhadap Palestin," katanya.

Dr Mahathir ketika menyampaikan

ucapan pada perbincangan Oxford Union di London semalam, menegaskan rakyat Israel tidak sepatutnya datang ke Malaysia berikutan kedua-dua negara ini tiada hubungan diplomatik.

Malaysia sebelum ini mengambil keputusan tidak akan membenarkan perenang paralimpik Israel untuk mengambil bahagian dalam Kejohanan Renang Para Dunia 2019 di Kuching dari 29 Julai sehingga 4 Ogos ini.

Bagaimanapun, media melaporkan Israel mengecam keputusan Malaysia itu dan mendakwa ia didorong oleh sikap anti-Yahudi Dr Mahathir yang tebal.